



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,  
DI KUANTAN  
KES MAL NO : 06200-017-0137-2009

ANTARA  
JAMALIAH BINTI JATHI  
DAN  
AMIRUDDIN BIN MAHMUD  
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

<b>LOKASI</b>	:	Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan
<b>HAKIM</b>	:	YA Tuan Haji Mohd Yusof Bin Ab Ghani. AMP, HMTS
<b>TARIKH</b>	:	
<b>NO KES</b>	:	06200-017-0137-2009
<b>DISEDIAKAN OLEH</b>	:	Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

#### PEGUAM SYARIE

Plaintif	:	Wan Bakhtiar Junaidy Bin Wan Mohamad daripada Tetuan Loke, Chew & Zainal
Defenden	:	Amiruddin Bin Mahmud daripada Jabatan Bantuan Guaman

#### FAKTA KES

1. Plaintif di dalam kes ini adalah bekas isteri kepada Defenden Pertama manakala Defenden merupakan bekas suami Plaintif.
2. Plaintif dan Defenden Pertama telah bernikah pada 01/12/1978 mengikut hukum syara' di Jerantut, Pahang dan telah berecerai kali pertama pada 10/03/2009 di Mahkamah Syariah Raub, Pahang berdasarkan Surat Perakuan Cerai yang dilampirkan sebagai "JJ-2" di dalam Pernyataan Tuntutan Plaintif. Hasil Perkahwinan dikurniakan lima (5) orang anak.
3. Selepas perceraian tiada sebarang perintah berkenaan harta sepencarian direkodkan oleh Mahkamah.



4. Pada tahun 1986, Plaintiff dan Defenden telah diterima sebagai peneroka di Tersang 3 dan telah menjadi syarat utama setiap Pemohon untuk memasuki Felda mereka telah berkahwin, Plaintiff dan Defenden Pertama telah diberi satu tapak rumah beserta rumah dan dua keeping tanah ladang iaitu (selepas ini disebut 'harta-harta tersebut'):-

- i. Tanah ladang – Lot 10649
- ii. Tanah Ladnag – Lot 10644
- iii. Tapak rumah beserta rumah – Lot xxxx yang beralamat di No. xxxx, Felda Tersang x, Raub, Pahang Darul Makmur.

Walaubagaimanapun ketiga-tiga geran tersebut masih belum dikeluarkan.

5. Plaintiff memohon kepada Mahkamah supaya mengisytiharkan harta sepencarian ke atas harta-harta tersebut.

#### **ALASAN PENGHAKIMAN YA TUAN HJ MOHD YUSOF BIN AB GHANI. AMP, HMTS**

##### **1) BIDANGKUASA MAHKAMAH**

Perkara utama yang harus diteliti dan diambil pertimbangan oleh Mahkamah adalah samada Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar seterusnya memutuskan semua tuntutan ini.

Meneliti kepada bidangkuasa yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen **47 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (EPUI)**, ianya jelas memberi kuasa kepada mahkamah untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Seksyen 47 (2) (b) (vi) EPUI 1991 memperuntukkan:

*(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –*

*(b) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –*

*(iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*

Di dalam memberikan apa-apa keputusan terhadap semua tuntutan ini, Mahkamah juga perlu melihat kepada **Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (EUKI)** secara mendalam. Seksyen itu menyebut:

- 1) *Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk*



memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

- 2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang
  - a. takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;
  - b. apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
  - c. keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

- 3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—
  - a. takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;
  - b. keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.



5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Di dalam Seksyen 2 EUKI Pahang 2005 memberi tafsiran kepada “harta sepencarian” iaitu ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak, manakala seksyen 122 sebagaimana yang dinyatakan tadi telah menghuraikan lagi makna harta sepencarian mengikut undang-undang.

Manakala Menurut **Kitab al-Um, Jilid ke-10, Cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut, Cetakan 1, Tahun 1996, halaman 328** ada menyebut:

*Imam Syafie telah berkata: “Apakala berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah(bercerai); atau sekalipun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan antara waris kedua-dua pihak, atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu daripada kedua pihak itu, maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa.*

Dalam masyarakat kita, ada terdapat aset yang diperolehi mengikut sumbangan suami isteri dalam masa perkahwinan suami isteri didaftarkan atas satu nama sahaja, sama ada diatas nama suami sahaja dan kadangkala atas nama isteri sahaja. Oleh yang demikian, aset yang kedudukannya seperti ini juga boleh dituntut sebagai harta sepencarian.

Malah dalam peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 juga menjelaskan kedudukan hak terhadap harta Felda yang dituntut oleh Plaintiff. **Seksyen 12, dan 14 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 pindaan 2002** dengan jelas membolehkan pegangan desa diberi milik dan boleh dimiliki secara bersama yang tidak boleh melebihi dua orang pemilik. Pindaan ini dibuat supaya isteri, bekas isteri atau waris lain kadim boleh didaftarkan nama secara bersama dengan peneroka dalam hak milik yang dikeluarkan atau yang masih menunggu hak milik.



Merujuk seksyen **12(5) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 pindaan 2002** menyatakan seperti berikut:

*“Jika sesuatu perintah Mahkamah menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai di negeri itu atau Akta memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] meletak hak pegangan luar Bandar kepada isteri, bekas isteri atau waris kadim pemegang, Pemungut hendaklah sewajarnya memasukkan nama isteri, bekas isteri atau waris kadim itu sebagai pemegang bersama di dalam daftar pegangan”*

Maka di dalam tuntutan dihadapan Mahkamah pada hari ini, berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas, Mahkamah ini berpuas hati bahawa mahkamah mempunyai bidangkuasa bagi mendengar dan memutuskan tuntutan harta sepencarian ini.

## **2) BEBAN PEMBUKTIAN**

Selain isu bidangkuasa, perkara penting yang perlu diberi perhatian juga dalam kes ini ialah, Plaintiff menuntut  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada harta yang didakwa sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan. Justeru sudah tentu beban pembuktian terletak di atas bahu orang yang mendakwa iaitu Plaintiff sebagaimana yang dijelaskan oleh sebuah hadis:

Maksudnya: *“Keterangan keatas pihak yang mendakwa manakala sumpah ke atas pihak yang ingkar”*.

Maksud bayyinah diatas termasuklah keterangan saksi-saksi yang menyokong semua dakwaan Plaintiff dalam tuntutannya. Mengenai beban membuktikan kes, **Seksyen 74 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005** ada memperuntukkan:

- (1) *Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*
- (2) *Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.*

Pembuktian yang dikehendaki disini ialah sekurang-kurangnya **dua (2) orang saksi lelaki** yang menyaksikan sendiri dengan terang serta boleh diterima oleh mahkamah tanpa apa-apa keraguan.

Walau bagaimana pun, bagi kes-kes yang berhubung dengan harta,



adakalanya bilangan saksi untuk mensabitkan sesuatu kes ialah **dua orang saksi lelaki** atau **seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita**. Kesaksian seperti ini adalah berdasarkan firman Allah swt:

وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رَجَالِكُمْ ۖ فَإِنْ لَمْ يَكُنَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang Yang kamu setuju menjadi saksi,"

Di dalam tuntutan ini, Plaintiff telah memberi keterangannya yang disokong pula dengan keterangan tiga orang saksi lelaki iaitu Mohd Yusof Bin Zakaria, Saharuddin Bin Mat Razi dan Muhammad Bin Ali

### 3) TUNTUTAN-TUNTUTAN

Di dalam kes ini, Plaintiff telah membuat tuntutan terhadap sekurang-kurangnya ½ bagi harta sepencarian terhadap nilai/bahagian tapak rumah beserta lot tanah ladang dan juga bayaran bulanan atau intensif dari Defenden serta separuh dari nilai syer Koperasi Permodalan FELDA apabila mencapai tempoh matang kelak. Defenden tidak bersetuju dengan nilai yang dituntut oleh Plaintiff dan dalam pembelaan, Defenden hanya bersetuju untuk membahagikan harta-harta tersebut dengan nilai 1/3 bahagian kepada Plaintiff dan 2/3 kepada Defenden.

Sebelum memberikan keputusan, Mahkamah harus menganalisa secara terperinci terhadap harta-harta yang menjadi isu dan kedudukannya serta statusnya terhadap kedua-dua pihak.

Pertamanya mengenai Akta GSA yang memperuntukkan bahawa Tanah Felda tidak boleh dipecah sempadan atau dibahagikan, namun boleh dimiliki secara bersama diatas dua nama seperti yang tercatat dalam peruntukan Seksyen **15 (1) dan (2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960** seperti berikut:

- i. Tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar tidak boleh pada bila-bila masa dipecah bahagi atau dipecah sempadan.
- ii. Tertakluk kepada seksyen (2A) dan (2B), tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar tidak boleh dipegang secara bahagian tak dibahagi  
(2A) Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan sesuatu pegangan luar



*bandar secara bahagian tak dibahagi oleh seseorang pemegang dan isterinya, bekas isterinya, atau waris kadim sebagai pemegang bersama, apabila sesuatu permohonan dibuat dalam borang AA di dalam Jadula Pertama.*

(2B) *Sesuatu pegangan luar bandar boleh dipegang secara tak dibahagi menurut sesuatu perintah Mahkamah yang dibuat menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai di Negeri atau Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976*

Dari semua keterangan yang diberikan oleh Plaintiff dan saksi-saksinya, secara mafhumnya, Mahkamah berpendapat bahawa kedua belah pihak iaitu Plaintiff dan Defendan adalah bersetuju bahawa harta-harta ini adalah harta sepencarian. Maka Mahkamah berpendapat Plaintiff berhak terhadap sebahagian harta-harta tersebut kerana harta-harta tersebut diperolehi secara bersama semasa tempoh perkahwinan Plaintiff dan Defendan.

Seterusnya, apa yang menjadi isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini ialah berkenaan kadar yang berhak diperolehi oleh Plaintiff dan Defendan berdasarkan takat sumbangan pihak-pihak terhadap harta-harta yang diperolehi itu.

Islam juga telah menetapkan asas-asas dalam mengatur kehidupan rumahtangga yang bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Kaum adam lebih mampu bekerja dan berusaha diluar rumah untuk mencari rezeki manakala kaum hawa pula lebih mampu untuk mengurus rumahtangga, mendidik anak-anak, membuat rumahtangga menyenangkan dan penuh ketenteraman.

Oleh kerana itu lelaki diberi tugas yang sesuai dengan fitrahnya dan perempuan juga sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian barulah rumahtangga berjalan dengan baik. Ini dijelaskan oleh **Syed Sabiq di dalam Fiqh Al-Sunnah, Jilid 2, halaman 174** yang bermaksud:

*“Rasulullah telah membuat hukuman diantara Ali bin Abi Talib r.a dan isterinya Fatimah r.a iaitu dipertanggungjawabkan keatas Fatimah melaksanakan kerja-kerja dirumah manakala Ali pula diberi tanggungjawab bekerja dan berusaha mencari nafkah penghidupan.”*

Di dalam **kitab lanah al-Talibin, Juz 4, halaman 87** ada memperuntukkan matan Fathu al-Muin yang bermaksud:

*“Adapun perkara-perkara yang tidak khusus kepada isteri melakukannya seperti memasak makanan suami dan mencuci pakaian suami, maka tidaklah menjadi kewajipan keatas isteri mahupun orang gaji keatas isteri, tetati kewajipan tersebut*



*menjadi tugas suami sendiri. Oleh yang demikian, suami kenalah menanganinya sendiri atau ditangani oleh orang lain (iaitu dengan suami membayar upah dan sebagainya)."*

Seterusnya, sumbangan tidak langsung isteri bagi sesebuah rumahtangga itu bolehlah diibaratkan sebagai muamalah upah. Apabila seseorang isteri bertugas dirumah melebihi dari tugas-tugasnya yang diwajibkan keatasnya menurut hukum syarak, maka ianya perlu diberi upah.

Dalam hal ini Allah swt berfirman:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا ۗ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ ۗ

*Maksudnya: (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa Yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa Yang mereka usahakan;*

*(surah an-Nisa': 32)*

Firman Allah swt lagi dalam surah:

وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

*Maksudnya: Dan isteri-isteri itu mempunyai hak Yang sama seperti kewajipan Yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) Dengan cara Yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

*(surah an-Baqarah: 228)*

Dalam kes ini juga, Plaintiff telah memberi keterangan dan disokong oleh keterangan saksi-saksi yang menjelaskan tentang sumbangan Plaintiff terhadap harta yang dituntut oleh Plaintiff sebagai harta sepencarian ini.

Plaintif menyatakan bahawa selepas kedua-dua mereka berkahwin, Plaintiff dan Defendan diterima masuk ke Tanah Rancangan Felda pada tahun 1985 Menurut Plaintiff beliau telah banyak memberikan sumbangan secara langsung terhadap harta-harta tersebut termasuklah dalam proses mengubahsuai rumah dengan membuat beberapa kali pinjaman kewangan. Rumah tersebut juga mengalami dua kali pengubahsuaian iaitu pada tahun 2008 dan 2009.

Saksi-saksi Plaintiff juga menyokong kenyataan Plaintiff dan turut menyatakan bahawa sejak dari mula pihak-pihak memasuki Felda, Plaintiff dan Defendan telah bersama-sama mengusahakan tanah ladang tersebut. Defendan sendiri mengakui bahawa Plaintiff membantu mengusahakan ladang tersebut





malah sewaktu Defenden diserang strok pada tahun 2003 segala urusan ladang diuruskan Plaintiff sehinggalah pihak-pihak bercerai pada tahun 2009. Melalui hasil tersebutlah Plaintiff menyara anak-anak dan memberi wang bulanan kepada Defenden menyelesaikan semua kos pembedahan dan rawatan Defenden. Perkara ini turut diakui oleh Defenden.

Selain turut sama mengerjakan tanah ladang yang diberikan oleh Felda, Plaintiff juga bertungkus lumus menguruskan rumahtangga dan anak-anak sehinggalah anak-anak membesar dan mampu berdikari.

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya, Mahkamah berpendapat bahawa wujudnya sumbangan Plaintiff terhadap harta-harta tersebut memandangkan harta tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Dan dalam tempoh perkahwinan itu juga, Plaintiff menyumbang secara langsung iaitu dengan sama-sama mengerjakan ladang. Manakala secara tidak langsung, Plaintiff dan Defendan berkahwin dalam tempoh masa yang lama dan dikurniakan anak-anak, pada masa ini Plaintiff juga banyak mencurahkan baktinya untuk kesejahteraan keluarga.

Mahkamah suka merujuk kepada kes **Kalthom Iwn. Nordin**, yang diputuskan di Wilayah Persekutuan.

*Pihak menuntut telah diceraikan oleh pihak kena tuntutan. Pada masa perkahwinan mereka telah mendapat tanah di Sunagi Midah daripada Kerajaan. Mereka berdua telah berusaha membersihkan dan menanam di atas tanah itu. Kemudiannya pihak kena tuntutan telah berkahwin dengan isteri kedua dan jarang balik ke rumah di Sungai Midah itu. Tanah tersebut telah diambil oleh Syarikat Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan dan pampasan telah diberikan kepada pihak kena tuntutan dengan syarat yang dikenakan oleh Pengarah Tanah dan Galian, iaitu pampasan itu dibahagi dua antara mereka. Pihak menuntut telah memohon diberi setengah bahagian pampasan itu sebagai harta sepencarian. Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan tanah-tanah itu adalah harta sepencarian dan pihak kena tuntutan hendaklah memberi setengah bahagian dari tanah itu dan pampasan atas tanah tersebut kepada yang menuntut.*

Manakala dalam kes **Boto' bte Taha Iwn. Jaafar bin Mohama**:

*Yang menuntut adalah seorang isteri yang bekerja berniaga dikedai kopi bagi membantu suami mencari nafkah hidup. Sepanjang perkahwinan, yang kena tuntutan bekerja sebagai penjual ikan dan lama kelamaan perniagaan yang kena tuntutan semakin maju. Salleh Abas HB (Malaya) menjelaskan, "sungguhpun isteri itu tidak mengambil bahagian secara langsung dalam perniagaan ikan suaminya, tugas menemani suami terus-menerus menyebabkan ketenangan fikiran suami yang membolehkannya menguruskan perniagaan dengan tenang dan berkesan." Dalam kes ini, harta dibahagikan 1/3 kepada*



*isteri dan 2/3 kepada suami.*

Di dalam kes **Noraini Mokhtar Iwn Abd Halim Samat** (2005) 1 CLJ (Sya), Hakim Rayuan telah berhujah berdasarkan pengertian ayat 228 Surah al-Baqarah menjelaskan bahawa sekalipun tidak ada sumbangan langsung Perayu ke atas tanah tersebut, tetapi oleh kerana sumbangan Perayu yang berkhidmat kepada Responden sebagai isteri maka Perayu berhak mendapat bahagian harta tersebut sebagai harta sepencarian. Oleh yang demikian Y.A.A Hakim telah membuat keputusan bahawa  $\frac{1}{2}$  bahagian harta-harta yang dituntut dibahagi di antara Perayu dan defenden.

41. *Justeru itu, pihak kami menghujahkan nisbah yang layak diterima oleh Plaintiff ialah  $\frac{1}{2}$  bahagian berdasarkan kedua-dua pihak iaitu Plaintiff dan Defenden adalah secara bersama sama menyumbang tenaga dalam pemilikan dan seterusnya menguruskan tanah tersebut sejak dari awal perkahwinan sehinggalah waktu perceraian mereka.*

Di dalam tuntutan Plaintiff ini, saksi-saksi Plaintiff telah menyatakan secara jelas bahawa Plaintiff ada banyak memberi sumbangan keatas harta tersebut. Secara ringkasnya saksi-saksi ini mengesahkan bahawa Plaintiff pernah membuat pinjaman kewangan untuk mengubah suai rumah. Plaintiff juga dinyatakan sering bersama-sama Defenden mengusahakan tanah ladang dan hasilnya dikongsi bersama sehinggalah sewaktu Defenden jatuh sakit, Plaintiff lah yang menguruskan tanah ladang tersebut. Begitu juga dengan hal ehwal rumahtangga yang dijaga dengan baik oleh Plaintiff.

Oleh itu, Mahkamah meyakini Plaintiff telah menjalankan tugasnya sebagai seorang isteri yang baik semasa tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Defenden. Dalam memutuskan kes ini juga, Mahkamah merujuk **Kaedah Fiqh** yang berbunyi:

“الضرر يزال”

*Maksudnya: “kemudharatan itu hendaklah dihapuskan”*

Kaedah ini digunapakai agar tidak berlaku pengabaian hak yang membawa kepada penganiayaan dan kezaliman di sebelah pihak. Ini kerana mudharat adalah suatu yang boleh mendatangkan bahaya kepada keperluan asas manusia seperti agama, diri, keturunan, akal dan harta.



## DIPUTUSKAN

### DIPUTUSKAN:

Setelah meneliti dan mendengar keterangan dan hujah pihak Plaintiff dan saksi-saksinya, maka adalah dengan ini Mahkamah memutuskan seperti berikut:

1. Mahkamah mensabitkan bahawa:
  - i. Sebuah rumah beserta tapak rumah yang memakai keterangan Lot xxx beralamat di No. xxx, Felda Tersang x, Raub Pahang DAN;
  - ii. Dua(2) lot Tanah ladang iaitu Lot xxxxx dan xxxxxx;

Adalah merupakan harta sepencarian diantara Plaintiff dan Defendan dan hendaklah dibahagi  $\frac{1}{2}$  bahagian atau nilainya terletak hak kepada Plaintiff manakala  $\frac{1}{2}$  bahagian atau nilainya terletak hak kepada Defendan.

2. Mahkamah memerintahkan Defenden mengambil tindakan bagi menamakan Plaintiff di dalam geran-geran tanah sebagai pemilik bersama seperti yang diperintahkan.
3. Mahkamah memerintahkan  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai syer Koperasi Permodalan FELDA diserahkan kepada Plaintiff dan  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi kepada Defenden.
4. Kos ditanggung masing-masing.